



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Semangat Mahasiswa Prihatin Alam Sekitar: 36 Orang Pelajar Menjayakan Program Pembersihan Pantai Judan

Penulis: Azlan Yusof Punding, Sitti Hawa Sheikh Mohammad, dan Valeriana Enah David

Seramai 36 orang pelajar Semester 2 daripada Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pengajian Perbankan telah berjaya menjayakan Program Pembersihan Pantai yang diadakan di Pantai Judan pada 15 Mei 2026 bersamaan hari Jumaat. Program yang berlangsung dari jam 5.30 petang sehingga 6.30 petang itu diadakan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar serta memelihara keindahan kawasan pantai daripada pencemaran.

Setelah selesai dengan aktiviti bergotong-royong, kawasan pantai berjaya dibersihkan dan kelihatan lebih teratur serta selesa untuk dikunjungi oleh orang ramai. Selain menjalankan aktiviti pembersihan, program ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk memupuk nilai kerjasama, disiplin dan tanggungjawab sosial dalam diri masing-masing. Para peserta juga didedahkan dengan kepentingan menjaga ekosistem marin serta kesan negatif pencemaran terhadap hidupan laut dan alam sekitar.

Program ini turut mendapat sambutan dan sokongan yang sangat baik daripada penduduk kampung setempat yang hadir memberikan kerjasama sepanjang aktiviti dijalankan. Kehadiran dan sokongan masyarakat setempat bukan sahaja memeriahkan program, malah menunjukkan semangat kebersamaan dalam usaha menjaga kebersihan dan keindahan Pantai Judan.

Menurut Ketua Projek, Valeriana Enah David, yang merupakan salah seorang pelajar Semester 2 Diploma Pengajian Perniagaan, program seperti ini bukan sahaja mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kebersihan, malah dapat melahirkan generasi muda yang lebih prihatin terhadap isu alam sekitar. Mereka berharap agar aktiviti seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai pelajar dan masyarakat setempat.



Gambar kenang-kenangan para peserta



Gambar bersama Ketua Kampung dan penduduk Kampung Judan

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

